

**TERMS & CONDITIONS – ASB FINANCING-i CAMPAIGN 2022****TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT – KEMPEN PEMBIAYAAN ASB-i 2022**

The Bank Islam ASB Financing-i Campaign 2022 ("**Campaign**") commenced from 15 March 2022 until 15 September 2022 (both dates inclusive) unless notified otherwise ("**Campaign Period**").

*Kempen Bank Islam Pembiayaan ASB-i 2022 ("**Kempen**") bermula pada 15 Mac 2022 hingga 15 September 2022 (termasuk kedua-dua tarikh) melainkan jika diberitahu sebaliknya ("**Tempoh Kempen**").*

**A. DEFINITION****A. DEFINISI**

For the purpose of these Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires:

*Bagi tujuan terma-terma dan syarat-syarat ini, perkataan dan ekspresi berikut adalah seperti makna yang diberikan dibawah melainkan terdapat konteks yang membawa maksud sebaliknya:*

**"The Bank"** means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944(98127-X)), a company incorporated in Malaysia under the Companies Act 2016 and having its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

*"Pihak Bank" bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (Nombor Syarikat: 198301002944(98127-X)), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.*

**"The Campaign"** means "Bank Islam ASB Financing-i Campaign 2022" organized by the Bank in accordance with the Terms and Conditions stipulated herein.

*"Kempen" bermaksud "Kempen Bank Islam Pembiayaan ASB-i" yang dianjurkan oleh Pihak Bank menurut Terma-terma dan Syarat-syarat yang ditetapkan di sini.*

**"Eligible Customer"** means new and/or existing customer who applies for ASB Financing-i facility during the Campaign Period, who satisfies or fulfils the Eligibility Criteria and Campaign Mechanics.

*"Pelanggan yang Layak" bermaksud pelanggan baru dan / atau yang sedia ada yang memohon kemudahan Pembiayaan ASB-i semasa Tempoh Kempen, memenuhi Kriteria Kelayakan dan Mekanisme Kempen.*

## **B. ELIGIBILITY CRITERIA**

### **B. KRITERIA KELAYAKAN**

1. To be eligible, customer must meet the following criteria:

*Untuk layak, pelanggan perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut:*

- i. Open to all new and existing customer for an additional financing;

*Terbuka kepada semua pelanggan baru dan pelanggan sedia ada yang membuat penambahan pembiayaan;*

- ii. Financing payment is made with Auto-Debit Instruction;

*Pembayaran pembiayaan dibuat menggunakan Auto-Debit;*

- iii. Open to all Bumiputera and Minority individuals in Malaysia, including Malaysian residents as per eligible investor under Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) guidelines stated its official website ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)), of at least 18 years and above of age;

*Terbuka kepada semua individu Bumiputera dan Minoriti di Malaysia termasuk pemastautin Malaysia berdasarkan senarai pelabur yang layak di bawah garis panduan ASNB yang boleh diperolehi melalui laman web rasminya ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)), sekurang-kurangnya berumur 18 tahun dan ke atas;*

- iv. Financing application must be applied within the Campaign Period and must be approved and accepted from 15 March 2022 until 15 September 2022;

*Pembiayaan mesti dipohon dalam Tempoh Kempen dan diluluskan serta diterima dari 15 Mac 2022 sehingga 15 September 2022;*

- v. Customers will be disqualified if the approved and accepted financing is terminated, cancelled or default for whatsoever reason during the Campaign Period.

*Penyertaan pelanggan akan terbatal sekiranya pembiayaan yang telah diterima dan diluluskan ditamatkan, dibatalkan atau berlaku kemungkiran atas apa sahaja sebab sepanjang Tempoh Kempen ini berlangsung.*

2. The following persons shall NOT be eligible to participate in The Campaign:

*Individu berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:*

- i. Sole-proprietorships, partnerships, charitable/ non-profit organizations/ societies, corporate and commercial customers;

*Pemilikan tunggal, perkongsian, pertubuhan amal/ organisasi bukan keuntungan/ pertubuhan, pelanggan korporat dan komersial;*

- ii. Non-residents of Malaysia;

*Bukan pemastautin Malaysia;*

- iii. Individuals below the age of 18;

*Individual di bawah umur 18 tahun;*

- iv. Customer whose financing accounts which have been suspended or terminated or have breached any other agreements with the Bank;

*Pelanggan yang mana akaun pembiayaannya telah digantung, ditutup atau yang telah melanggar mana-mana perjanjian lain dengan Bank Islam;*

- v. Staff of Bank Islam Malaysia Berhad.

*Kakitangan Bank Islam Malaysia Berhad.*

## **C. CAMPAIGN MECHANICS**

### **C. MEKANISME-MEKANISME KEMPEN**

1. Eligible Customer with financing application applied within the Campaign Period and approved and accepted from 15 March 2022 until 15 September 2022 is entitled for Eligibility Unit (EU) in the Campaign draw as follows:

*Pelanggan yang Layak dengan permohonan pembiayaan yang dipohon dalam Tempoh Kempen dan diluluskan serta diterima dari 15 Mac 2022 sehingga 15 September 2022 akan mendapat Unit Kelayakan (EU) untuk menyertai cabutan Kempen seperti berikut:*

- i. Financing amount below RM30,000 is entitled for one (1) EU; and

*Amaun pembiayaan bawah RM30,000 layak untuk satu (1) EU; dan*

- ii. Financing amount of RM30,000 and above is entitled for five (5) EU.

*Amaun pembiayaan RM30,000 dan ke atas layak untuk lima (5) EU*

2. Eligible Customer who subscribes any of the following takaful product with the Bank during the Campaign Period will be entitled for additional EU as follow:

*Pelanggan yang Layak yang melanggan mana-mana produk takaful berikut dengan Pihak Bank dalam Tempoh Kempen akan berhak mendapat EU tambahan seperti berikut:*

Takaful Product	EU
Personal Accident (PA) <b>OR</b> Home Content Takaful	5

Produk Takaful	EU
Takaful Kemalangan Diri (PA) <b>ATAU</b> Takaful Isi Rumah	5

#### **D. WINNERS AND PRIZES**

##### **D. PEMENANG-PEMENANG DAN HADIAH-HADIAH**

1. There are two (2) categories of prizes offered under the Campaign as follows:

*Terdapat dua (2) kategori hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen seperti berikut:*

Category	Prize	Number of Winner(s)
<b>Grand &amp; Main Prize</b>	<b>Grand Prize:</b> RM20,000	3
	<b>1<sup>st</sup> Main Prize:</b> RM10,000	4
	<b>2<sup>nd</sup> Main Prize:</b> RM5,000	5
	<b>3<sup>rd</sup> Main Prize:</b> RM3,000	5
<b>Monthly Prize</b>	RM1,000  i. <b>Month 1:</b> 15 March 2022 – 14 April 2022 ii. <b>Month 2:</b> 15 April 2022 – 14 May 2022 iii. <b>Month 3:</b> 15 May 2022 – 14 June 2022 iv. <b>Month 4:</b> 15 June 2022 – 14 July 2022 v. <b>Month 5:</b> 15 July 2022 – 14 August 2022 vi. <b>Month 6:</b> 15 August 2022 – 15 September 2022	30  (5 winners every month throughout the Campaign Period)

*Monthly cash prize will be credited to winners' Al-Awfar account. Winners are advised to open Al-Awfar account for cash crediting purposes.*

Kategori	Hadiah	Bilangan Pemenang
<b>Hadiah Utama</b>	<b>Hadiah Utama:</b> RM20,000	3
	<b>1<sup>st</sup> Hadiah Utama:</b> RM10,000	4
	<b>2<sup>nd</sup> Hadiah Utama:</b> RM5,000	5
	<b>3<sup>rd</sup> Hadiah Utama:</b> RM3,000	5
<b>Hadiah Bulanan</b>	RM1,000  i. <b>Bulan 1:</b> 15 Mac 2022 – 14 April 2022 ii. <b>Bulan 2:</b> 15 April 2022 – 14 Mei 2022 iii. <b>Bulan 3:</b> 15 Mei 2022 – 14 Jun 2022 iv. <b>Bulan 4:</b> 15 Jun 2022 – 14 Julai 2022 v. <b>Bulan 5:</b> 15 Julai 2022 – 14 Ogos 2022 vi. <b>Bulan 6:</b> 15 Ogos 2022 – 15 September 2022	30  (5 pemenang setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen)

*Hadiah wang tunai bulanan akan dikreditkan ke akaun Al-Awfar pemenang. Pemenang dinasihatkan untuk membuka akaun Al-Awfar untuk tujuan pengkreditan hadiah tunai.*

2. Eligible Customer can only win one (1) prize from each category - **Monthly Prize** and **Grand & Main Prize** throughout the Campaign Period.

*Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) hadiah bagi setiap kategori – Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama sepanjang Tempoh Kempen.*

3. Grand & Main Prize winners will be selected from a random draw based on the EU by using Bank Islam Generic Draw Engine.

*Pemenang-pemenang Hadiah Utama akan dipilih berdasarkan cabutan mengikut EU dengan menggunakan Enjin Cabutan Generik Bank Islam.*

4. Monthly winners will be selected from the first five (5) **approved and accepted applications** with the financing amount of RM30,000 and above for the month throughout the Campaign Period.

*Pemenang bulanan akan dipilih daripada lima (5) permohonan pertama yang **diluluskan dan diterima** dengan jumlah pembiayaan RM30,000 dan ke atas setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen.*

5. Should there is no winner or less than five (5) eligible monthly winners selected during the month, the monthly cash prize will be carried forward to the next month and the number of winners for subsequent month will be based on the total cumulative prize.

*Sekiranya tiada pemenang atau kurang daripada lima (5) pemenang bulanan yang layak dipilih pada bulan tersebut, hadiah tunai bulanan akan dibawa ke bulan berikutnya dan bilangan pemenang untuk bulan berikutnya adalah berdasarkan jumlah hadiah terkumpul.*

6. Monthly winners are also eligible for a random draw for the selection of Grand & Main Prize winners.

*Pemenang-pemenang bulanan juga layak untuk cabutan rawak bagi pemilihan pemenang-pemenang Hadiah Utama.*

## **E. GENERAL TERMS & CONDITIONS**

### **E. TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT AM**

1. Eligible Customers are advised to read and understand these terms and conditions before participating in any of our campaigns or promotions.

*Pelanggan yang Layak dinasihati untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen atau promosi kami.*

2. To participate in our campaign or promotion, Eligible Customers must fall within the Eligibility Criteria and fulfil the Campaign Mechanics. Unless stated otherwise by the Bank, Eligible Customers are not required to sign up or fill in any application form to participate in the said campaign or promotion.

*Untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi kami, Pelanggan yang Layak mestilah termasuk di dalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisme Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak Bank, Pelanggan yang Layak tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi tersebut.*

3. By participating in this Campaign, the Eligible Customers:

Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak

- i. shall give consent for the Bank to disclose their personal data to the Bank's service provider to the extent necessary for the purpose of this Campaign;

*akan membenarkan pihak Bank untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini;*

- ii. shall agree for the Bank to publish or display their names or photos in media, marketing or the Bank's website for the purpose of this Campaign (where applicable); and

*akan bersetuju untuk pihak Bank menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambarnya di dalam media pemasaran atau laman sesawang pihak Bank untuk tujuan Kempen ini (jika berkenaan); dan*

- iii. shall agree to the Bank's decision on all matters relating to the Campaign, selection of winners and prizes via the Bank's generic draw engine shall be final, conclusive and binding on all Eligible Customers and no further correspondence and / or appeal to dispute the Bank's decision shall be entertained.

*akan bersetuju dengan keputusan pihak Bank terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, pemilihan para pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin cabutan umum pihak Bank adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak dan tiada surat-menyurat selanjutnya dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan pihak Bank akan dilayan.*

4. The Bank accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment (if any) due to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the winners. It is the responsibility of the winners to seek an independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations.

*Pihak Bank dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada pihak berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap di bawah tanggungjawab para pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.*

5. The Campaign prizes do not include any other incidental expenses e.g. transportation whatsoever, unless expressly stated in these Terms and Conditions (if any).

*Hadiah-hadiah di dalam Kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan, melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini (jika ada).*

6. The prize (where applicable) is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Winners must accept the prize 'as it is' and must acknowledge that the Bank shall not be held responsible in the value of the prize due to variation of prices in the market during the prize redemption / collection by the winners at the time stipulated by the Bank.

*Hadiah ini (di mana berkenaan) tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Para pemenang mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika para pemenang menebus / memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.*

7. If the prize (where applicable) is not available for whatsoever reason, the Bank reserves the right to substitute the prize for any item of equivalent value upon the Bank issuing at least fourteen (14) days prior notice to all Eligible Customers. The mode of notification could be in writing, via electronics means or displayed at the Bank's branches or websites.

*Jika hadiah yang dimenangi (jika berkenaan) tidak dapat diperolehi atas apa jua sebab, pihak Bank di atas budi bicara mutlakny berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi dengan memberikan notis kepada Pelanggan yang Layak sekurang-kurangnya empat belas (14) hari. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui cara elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank.*



8. Winners may be invited to attend prize presentation ceremony or other publicity events (if any) at the location to be advised on a later date. Winners are fully responsible for all expenses incurred in attending the said prize giving ceremony.

*Para pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Para pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.*

9. In compliance with the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, the Bank shall protect the personal data of the customers. By participating in this Campaign, winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by the Bank as it deems fit for promotion or publicity purposes.

*Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, pihak Bank akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang-pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media mengikut budi bicara pihak Bank. Oleh yang demikian, pihak Bank berhak untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar para pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.*

10. The Bank and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for the following:
- (a) any misinterpretation on facts, and/or inflicted injuries and/or loss of lives and/or valuables resulting from the prize won through this Campaign/Promotion; and
  - (b) any loss and damage or for any personal injury and/or whatsoever suffered or sustained by the Eligible Customer/Prize winner in connection with this Campaign/Promotion whether their participation in this Campaign/Promotion or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel, except for any liability which cannot be excluded by law.
  - (c) any matters beyond the Bank's control with regards to this Campaign/Promotion or anything related thereto.

*Bank dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab seperti berikut:*

- a) sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/ atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen/Promosi ini; dan*
- b) sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/ atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan Yang Layak/Pelanggan berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Kempen/Promosi atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang.*
- c) segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini.*

12. The Bank reserves the rights to amend, cancel, terminate, or suspend the Campaign by providing sufficient notice not less than fourteen (14) days prior to the date of amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could

be in writing, via electronics means or display of notices at the Bank's branches or websites. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the customers who participate in this Campaign to make any claim or compensation against the Bank for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of amendment, cancellation, termination or suspension.

*Pihak Bank berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh pihak Bank tidak membolehkan Pelanggan yang Layak yang menyertai Kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap pihak Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa jua yang ditanggung atau dialami oleh mereka samada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.*

13. Eligible Customers are advised to access the Bank's website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up-to-date on any change or variation to the Terms and Conditions thereof.

*Pelanggan yang Layak adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank dari masa ke semasa untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.*

14. The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the Personal Financing-i Terms & Conditions and ASB Financing-i Terms & Conditions. In the event of any inconsistency between these terms and conditions, this Terms and Conditions shall prevail with regards to this Campaign.

*Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada terma-terma dan syarat-syarat Pembiayaan Peribadi-i. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.*

15. The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Eligible Customers agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.

*Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.*

**For more information, please visit Bank Islam branches or call our Contact Centre at 03 26 900 900 or visit our website at <https://www.bankislam.com>**

***Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com>***

**The Master Prospectus of ASNB dated 1 February 2020, the First Supplementary Master Prospectus dated 20 October 2021, the Prospectus of ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global dated 16 September 2020, the First Supplementary Prospectus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global dated 20 October 2021 and the Prospectus of ASN Equity Global dated 1 September 2021, (“Prospectuses”), have been registered with the Securities Commission Malaysia.**

**Please read and understand the content of the Prospectuses together with the Product Highlights Sheets which are available at the ASNB website ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)), branches and agents. The unit will be issued upon receipt of the registration form referred to and accompanying the Prospectuses. Before investing, please consider the risk of investing as well as the fees and charges involved. Unit prices and distribution payable, if any, may go down as well as up. The past performance of a fund should not be taken as indicative of its future performance.**

***Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 (“Prospektus”), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.***

***Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.***

**There are risks associated with loan financing. Please read and understand the loan financing risk disclosure (RDS is manually available during application at the Branch) prior to investing via loan financing.**

***Terdapat risiko yang berkait dengan pembiayaan/pinjaman. Sila baca dan faham berkenaan Penyata Pendedahan Risiko Pelaburan Dalam Unit Amanah Menerusi Pembiayaan/Pinjaman (RDS akan diberikan semasa proses applikasi di Cawangan) sebelum melakukan pelaburan melalui pembiayaan/pinjaman.***

**The advertisement has not been reviewed by the Securities Commission Malaysia (SC).**

***Semua iklan dan bahan promosi yang dikeluarkan tidak disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.***

